

Wanita berhak kemuka cadangan balas penubuhan Puteri Umno

BH 11 OCT 2009

KUALA LUMPUR, Selasa – Wanita Umno masih berhak mengemukakan cadangan balas terhadap cadangan penubuhan Puteri Umno, walaupun ia tidak seiring dengan cadangan asal yang dikemukakan ahli Majlis Tertinggi (MT), Azalina Othman, kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiasaha pergerakan itu, Senator Faridah Abu Hassan, berkata maklum balas yang diterima dari semua peringkat akar umbi bersetuju dengan konsep penubuhan Puteri Umno, tetapi tiada had umur dicadangkan.

Justeru, katanya, cadangan balas oleh Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz selepas mesyuarat Exco di Kuantan semalam, dibuat selepas mengambilkira perbincangan tertutup dengan ketua-ketua Wanita bahagian serta maklum balas dari

semua bahagian dan cawangan Wanita yang dikumpul dua minggu lalu.

Katanya, cadangan balas pergerakan itu kepada cadangan asal oleh Azalina ialah:

- Pergerakan bersetuju dengan penubuhan Puteri Umno yang mempunyai strukturnya sendiri, tetapi mempunyai perhubungan kerjasama dengan Wanita Umno;

- Bersetuju had umur Puteri pada 25 tahun dengan ketuanya pada peringkat Pusat juga berumur kurang daripada 25 tahun;

- Puteri Umno akan ditubuhkan di peringkat cawangan dan bahagian, dengan mempunyai struktur ketua, naib ketua dan ahli jawatankuasa sendiri.

- Ketua Puteri Umno akan menjadi Naib Ketua Kedua Wanita pada peringkat Pusat, cawangan dan bahagian.

- Pada peringkat baha-

gian, Ketua Puteri akan menjadi ahli jawatankuasa bahagian;

- Ketua Puteri akan dilantik sebagai ahli MT.

Azalina dalam kertas kerjanya mencadangkan supaya struktur Puteri Umno mengikut Pemuda Umno iaitu dengan keahlian Puteri Umno dibuka kepada mereka berusia di bawah 40 tahun, diberi entiti berasingan dengan Wanita Umno dan ketuanya diletakkan setaraf dengan Naib Presiden.

Perdebatan hangat menyelubungi Wanita Umno yang mempunyai keahlian lebih 1.2 juta, dengan golongan di bawah 40 tahun menyokong cadangan berkenaan, manakala yang veteran 'kecil hati' dan 'tersinggung' dengan beberapa kenyataan Azalina.

Bagi meleraikan kekusutan, Wanita Umno menyerahkan kepada ahli akar umbi untuk membuat ke-

putusan mengenai cara terbaik untuk menubuhkan Puteri Umno.

Bagaimanapun, kenyataan Dr Mahathir di London baru-baru ini yang berkata bahawa Puteri Umno akan mempunyai struktur organisasi sama seperti Pemuda Umno, sekali lagi hampir mematikan langkah Wanita dalam membuat cadangan balas.

Bagaimanapun, Faridah berkata Wanita Umno tidak boleh lari daripada tugas untuk menyuarakan pandangan akar umbi.

"Keputusan Wanita menubuhkan Puteri dengan had umur 25 tahun ialah kerana perkara pertama apabila bercakap mengenai puteri ialah gambaran seorang gadis remaja bukan seorang wanita yang sudah dewasa.

"Jika kita terima had umur 40 tahun atau 35 tahun, ramai wanita sekitar umur berkenaan yang su-

dah beranak-pinak dan boleh digelar 'makkik'. Berikutan itu, di mana logiknya gelaran puteri untuk mereka," katanya.

Justeru, katanya, Wanita Umno berpendapat penubuhan Puteri adalah untuk memberi pendedahan kepada remaja dalam perjuangan parti dan meneruskan kesinambungan pembabitn wanita dalam parti sebagai satu pasukan.